

AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA



ORANG ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada bagi mengelakkan kes keracunan makanan. – GAMBAR HIASAN

## Lapor jika alami keracunan makanan

**PETALING JAYA** – Individu yang mengalami keracunan makanan disaran supaya melaporkan kejadian itu kepada pejabat kesihatan daerah (PKD) bagi membolehkan tindakan lanjut diambil.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Universiti Sains Islam Malaysia, Prof. Madya. Dr. Mohd. Dzulkhairi Mohd. Rani berkata, mangsa juga perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan jika mempunyai gejala cirit-birit dan muntah.

"Jika simptom itu disebabkan oleh penjual, mangsa boleh

perlu membuat laporan kepada PKD sebagai rujukan," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, keracunan makanan biasanya berpunca apabila makanan itu dicemari bakteria sama ada sebelum atau selepas dimasak.

"Ia juga mungkin berlaku apabila makanan itu sudah lama dimasak. Masak pagi atau makanan semalam yang tidak habis dijual semula," ujarnya.

Beliau turut menasihatkan pembeli atau peniaga supaya sentiasa berwaspada dalam mengendalikan makanan.

AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NEGARA



**DAKWAAN doktor pelatih kena gangguan seksual dan ugutan oleh doktor senior didakwa berlaku di HRPB di Ipoh.**

KKM bertindak isu gangguan seksual doktor senior

## Surat layang doktor pelatih disiasat

Oleh **ASLIZA MUSA**

**IPOH** – Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) sedang menjalankan siasatan berkaitan dakwaan doktor pelatih di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini yang dikatakan menjadi mangsa gangguan seksual dan ugutan doktor senior.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Feisul Idzwan Mustapha berkata, satu Jawatankuasa Penyiasatan Bebas telah ditubuhkan pada 29 Februari lalu bagi menyiasat dakwaan berkenaan.

Katanya, jawatankuasa terse-

but disertai oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM.

"Jawatankuasa itu ditubuhkan selepas kita menerima surat layang yang dihantar melalui kiriman pos pada 28 Februari lalu.

"KKM memandang pertuduhan itu sebagai sangat serius dan mempunyai toleransi sifar terhadap isu gangguan seksual di tempat kerja.

"Siasatan berhubung perkara ini sedang dijalankan bagi mengumpul bukti-bukti berkaitan," katanya di sini semalam.

Terdahulu, tular di laman so-

sial surat yang mengandungi dakwaan beberapa doktor pelatih wanita di Jabatan Ortopedik HRPB yang sering diganggu secara seksual oleh seorang doktor lelaki.

Menurut surat berkenaan, doktor terbabit sering mengambil kesempatan dengan meraba, menyentuh bahagian tali baju dalam, mencubit badan dan paha selain bercakap lucu.

Selain itu, doktor itu juga didakwa mengugut mangsa untuk memanjangkan tempoh *tagging* dan latihan walaupun tidak diberi kuasa untuk berbuat demikian.

AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : NASIONAL

## Siasat gangguan seksual, ugut doktor pelatih

**IPOH** - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menjalankan siasatan menyeluruh berhubung dakwaan berlakunya gangguan seksual dan ugutan terhadap doktor pelatih dilakukan seorang doktor di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini.

Pengarah Kesihatan Negeri Perak, Dr Feisul Idzwan Mustapha berkata, satu Jawatankuasa Penyasatan Bebas telah ditubuhkan pada 29 Februari lalu bagi menyasat perkara tersebut.

Menurutnya, keahlian jawatankuasa berkenaan dianggotai pegawai-pegawai yang turut dilantik Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian.

"Siasatan dilakukan dengan pengumpulan bukti," katanya dalam kenyataan di sini pada Sabtu.

Sementara itu, Exco Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India Perak, A Sivanesan berkata, doktor pelatih yang mendakwa menerima ugutan dan diganggu secara seksual oleh seorang doktor diminta segera tampil membuat laporan polis.

"Setakat ini pihaknya dimaklumkan tiada laporan dibuat mangsa, sekali gus sukarkan siasatan," katanya.

AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 27  
RUANGAN : NASIONAL

Ekoran pengguguran  
GEG daripada  
undang-undang  
untuk mengawal  
produk merokok

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA  
SHAH ALAM

Pertubuhan Wanita Malaysia untuk Aktiviti Kawalan Tembakau dan Kesihatan (MyWATCH) mencadangkan agar Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai kesihatan ditubuhkan.

MyWATCH dalam kenyataan berkata, ia perlu dilakukan terutamanya selepas pendedahan Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berhubung pengguguran peruntukan generasi penamat (GEG) daripada undang-undang untuk mengawal produk merokok.

Katanya, isu itu memberi kesan kepada tiga perkara iaitu nyah senarai nikotin daripada Akta Racun 1952, tembakau dan industri berkaitan Gangguan Kawalan

Produk Merokok untuk Kesihatan Awam (CSPPH) 2023 dan penghapusan GEG daripada Rangka Undang-Undang CSPPH 2023.

"Artikel 5.3 Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau (FCTC), yang diratifikasi Malaysia hampir 20 tahun lalu pada tahun 2005 jelas mewajibkan pihak-pihak bertanggungjawab perlu melindungi dasar-dasar kesihatan awam daripada kepentingan komersial dan lain-lain kepentingan industri tembakau.

"Pendedahan terbaharu oleh Timbalan Menteri Kesihatan di Parlimen itu melanggar konvensyen yang telah memalukan Malaysia," jelasnya pada Sabtu.

Lukanisman mendedahkan bahawa, tindakan melobi oleh wakil industri tembakau dan vape banyak mempengaruhi pengguguran GEG daripada undang-undang untuk me-

ngawal produk merokok.

Menurutnya, pelobi bertemu secara langsung dengan ahli Parlimen sebelum perbincangan rang undang-undang itu, mempengaruhi pandangan mereka terhadap langkah GEG yang bertujuan untuk mewujudkan generasi masa depan bebas rokok.

Tambah MyWATCH, pengakuan itu juga mencabar prinsip-prinsip asas kerajaan Madani yang slogannya ialah tadbir urus baik, pembangunan mampan dan keharmonian kaum.

"Industri tembakau dan vape sentiasa bertentangan dengan pembangunan mampan, baik dari segi kehidupan manusia, serta sokongan terhadap alam sekitar.

"Kos ekonomi serta beban kesihatan akibat bahan itu dalam jangka masa panjang boleh membawa kepada huru-hara

# MyWATCH cadang RCI kesihatan ditubuhkan



Langkah GEG bertujuan mewujudkan generasi masa depan bebas rokok.

dalam masyarakat," ujarnya.

MyWATCH turut mempersoalkan akauntabiliti, maruah dan keberkesanan apabila kerajaan tunduk kepada tekanan oleh industri yang hanya me-

mikirkan keuntungan.

"Kerajaan Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga kesihatan warganya terutama generasi akan datang," tegasnya.

AKHBAR : MINGGUAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 38  
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Lebih 200 makanan bazar Ramadan Pulau Pinang dianalisis tahun ini

Oleh SAFINA RAMLI  
utusannews@mediamulla.com.my

**GEORGE TOWN:** Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) menasarkankan untuk menganalisis kira-kira 200 lagi sampel makanan yang diambil dari bazar Ramadan negeri ini untuk mengenal pasti tahap keselamatan makanan yang dijual di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan dan Kesihatan negeri, Daniel Gooi berkata, setakat ini, sebanyak 15 sampel makanan dari Bazar Ramadan diambil untuk dianalisis secara berperingkat.

"Kesemua sampel makanan itu akan dihantar ke Makmal Keselamatan dan Kualiti Makanan Butterworth bagi Analisa Mikrobiologi untuk tujuan tersebut," katanya dalam sidang akhbar selepas meninjau bazar Ramadan Bayan Baru di sini, petang semalam.

Dalam pada itu, katanya, sebanyak 15 daripada keseluruhan 175 sampel makanan yang diambil dari bazar-bazar Ramadan



DANIEL Gooi (kiri) ketika meninjau suasana bazar Ramadan di Bayan Baru, Pulau Pinang. - MINGGUAN/IQBAL HAMDAN

tahun lalu didapati telah tercemar dengan bakteria yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada manusia.

"Hasil keputusan (ujian mak-

mal) mendapati, daripada 175 sampel (yang dianalisis) sebanyak 15 sampel atau 8.6 peratus telah tercemar dengan bakteria," ujar beliau.

Jelas Daniel, secara keseluruhannya, sebanyak 2,901 premis makanan diperiksa dan didapati sebanyak 99.9 peratus atau 2,899 gerai dalam keadaan memuaskan iaitu markah melebihi 80 peratus sepanjang Ramadan tahun lalu.

Bagaimanapun, katanya, sebanyak 63 notis kompaun telah dikeluarkan dengan nilai anggaran sebanyak RM8,000.

"Antara kesalahan yang dikesan termasuk pengendali tidak memakai apron dan penutup kepala, tiada suntikan antitifooid selain pengendali makanan memakai aksesori seperti barang kemas.

"Selain itu juga, terdapat dua aduan yang diterima tahun lalu berkaitan kebersihan makanan, namun, tiada aduan mengenai kes keracunan makanan," katanya.

Pada Ramadan tahun ini pula katanya, jumlah keseluruhan bazar Ramadan di Pulau Pinang yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah sebanyak 81 lokasi dengan

33 daripada lokasi bazar itu terletak di bahagian pulau.

"Bazar Ramadan Bayan Baru ini merupakan antara bazar terbesar di bahagian pulau dengan jumlah keseluruhan tapak sebanyak 142 tapak dan peniaga seramai 87 orang," kata beliau.

Sementara itu, Daniel memberitahu, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) JKNPP akan meneruskan aktiviti pemeriksaan di bazar-bazar Ramadan iaitu dengan menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan berdasarkan risiko ke atas kesalahan yang ditemui semasa pemeriksaan tersebut dengan berpandukan Garis Panduan Pelaksanaan Operasi Ramadan 2024.

"Aktiviti ini melibatkan pemeriksaan premis serta pensampelan makanan. Matlamatnya adalah untuk memastikan makanan yang disediakan atau dijual adalah selamat, mematuhi Akta Makanan 1983 dan juga peraturan-peraturan di bawahnya," katanya.

## JKN siasat dakwaan ganggu seksual

**IPOH:** Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) sedang menjalankan siasatan berkaitan dakwaan doktor pelatih (houseman) di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini yang dikatakan menjadi mangsa gangguan seksual dan ugutan doktor senior.

Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. Feisul Idzwan Mustapha berkata, satu Jawatankuasa Penyiasatan Bebas ditubuhkan 29 Februari lalu bagi menyiasat dakwaan itu.

Katanya, jawatankuasa tersebut disertai oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM.

"Jawatankuasa itu ditubuhkan selepas kita menerima surat layang yang dihantar melalui kiriman pos pada 28 Februari lalu.

"KKM memandang pertuduhan itu sebagai sangat serius dan mempunyai toleransi sifar terhadap isu gangguan seksual di tempat kerja," katanya.

AKHBAR : SUNDAY STAR  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NATION

## Public should exercise caution in hot weather, urges health official

**SEREMBAN:** The Negri Sembilan Health Department has advised the public to exercise caution during the current hot spell to avoid heat exhaustion or heat stroke, especially during Ramadan.

Its director Datuk Dr Harlina Abdul Rashid encouraged people to consistently drink adequate amount of water, at least two

litres per day, from iftar to sahur throughout the night.

"This ensures the body's water content is maintained. Intake of high-caffeine and sugary drinks should be reduced, and it is recommended to consume more high-water-content fruits like watermelon during iftar.

"People should also reduce acti-

vities under the hot sun, work in shaded areas, and use fans or air conditioning to cool down," she told Bernama yesterday.

She said that while outdoors, people should wear thin and loose clothing, wear hats or use umbrellas, and always be cautious when exercising or engaging in sports by avoiding pro-

longed exposure to the sun.

Dr Harlina also advised the public to promptly seek emergency treatment if experiencing symptoms of heat exhaustion or heat stroke.

On Friday, Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said 23 cases of heat stroke were reported in Health

Ministry facilities from January until last Monday.

These cases were reported in Kedah, Perak, Selangor, Sabah, Perlis and Pahang.

Of the reported cases, Dr Muhammad Radzi said only one, involving a patient in Langkawi being referred to the intensive care unit.

**AKHBAR : SUNDAY STAR**  
**MUKA SURAT : 8**  
**RUANGAN : NATION**

---

## Claims of sexual harassment by male doctor under probe

**PETALING JAYA:** An independent committee has been set up to investigate allegations of sexual harassment involving healthcare personnel at Hospital Raja Permaisuri Bainun in Ipoh, says the Perak Health Department.

Its director Dr Feisul Idzwan Mustapha said a letter with the allegations was received by post on Feb 28.

Following which an investigation committee, comprising officers appointed by Health Ministry deputy director-general (medical) Datuk Dr Nor Azimi Yunus, was set up the next day.

"Evidence is being collected as part of the investigation process. The Health Ministry views these accusations seriously and has zero tolerance for sexual harassment at the workplace," said Dr Feisul in a statement yesterday.

In the letter, a group of housemen accused a male doctor at the hospital of sexual harassment.

The anonymous letter addressed to the hospital director has since gone viral on social media.

The junior doctors claimed that they had taken the matter to the hospital director as the depart-

ment head could not resolve the problem, adding that those who were supposed to protect them had failed to do so.

Aside from sexual harassment, they also alleged that the male doctor forced junior doctors to input false information in the hospital information system.

Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said in May last year that incidents of workplace violence against Health Ministry staff rose by 196% from 167 cases in 2017 to 494 cases in 2019, before dipping to 321 cases in 2020 and 260 cases

in 2021.

Dr Muhammad Radzi said that any form of violence, be it physical, verbal, sexual or written, could disrupt productivity.

The ministry also launched the second edition of the Guidelines for Preventing and Managing Violence Against MOH Staff in Health Facilities last year, which was an update to the guidelines published on April 28, 2017.

The guidelines, Dr Muhammad Radzi said, was an improvement in terms of definition, scope, handling of violence cases and notification processes.